

**FAKTOR PERAMAL NIAT UNTUK MENGGUNAKAN
e-PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN
GURU PENDIDIKAN ISLAM**

AHMAD SHIDKI BIN MAT YUSOFF

**Tesis ini dikemukakan untuk memenuhi syarat memperolehi Ijazah
Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan
Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu**

SEPTEMBER 2016

ABSTRACT

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Malaysia Terengganu in Fullfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

PREDICTIVE FACTORS OF INTENTION TO USE e-LEARNING AMONG ISLAMIC EDUCATION TEACHERS

AHMAD SHIDKI BIN MAT YUSOFF

September 2017

Main Supervisor : Professor Wan Salihin Wong bin Abdullah, Ph.D.

Co-Supervisor : Professor Ibrahim bin Mamat, Ph.D.

School: School of Social and Economic Development

In this decade, the Ministry of Education (MOE) has introduced the Malaysia Education Blueprint 2013-2025 (MEB) that make use of Information and Communication Technology (ICT) in schools nationwide. Teaching session will be based on virtual sharing conducted through e-learning, particularly in exploring information sources via the internet. E-learning environment requires schools to be fully equipped in order to optimise the use of virtual learning among teachers and students. Based on analysis of the previous studies, the use of ICT among Islamic Education teachers (IET) is unfitting. The level of ICT utilisation rate among IET is low, which is not consistent with the government's aspiration to make e-learning the 21st century learning tool. Thus, if the early stage of e-learning is implemented without taking into account the issues influencing IET acceptance towards e-learning, wastage will continue to occur. These may be because of teacher's acceptance factors towards e-learning are not fully identified. The main objective of

this study was to identify factors that influence the IET acceptance towards e-learning in Malaysia. This study will attempt to elaborate the issues via theoretical development. The Technology Acceptance Model was developed by inserting variables from the Unified Theory of Acceptance and Use of Technology, the Diffusion of Innovation Theory and Personal Innovation Theory in Technology. This study used a quantitative approach, using ex-post facto method to evaluate the IET acceptance towards e-learning. Data were analysed by using the Partial Least Squares-Structural Equation Model (PLS-SEM) to determine the relationship between variables in the research model. The findings indicate that the development of the technology acceptance theory can be used as research model to understand and identify the factors that lead to the success of e-learning implementation among IET. In this study, the role of ease of use variable, usefulness variable, education compatibility variable and personal innovation in technology variable is proven to affect IET intention in using e-learning. Indirectly, this research has improved a deeper understanding of the factors that affect IET in receiving e-learning in Malaysia.

ABSTRAK

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan Ijazah Doktor Falsafah

FAKTOR PERAMAL NIAT UNTUK MENGGUNAKAN e-PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM

AHMAD SHIDKI BIN MAT YUSOFF

September 2017

Penyelia Utama : Profesor Wan Salihin Wong bin Abdullah, Ph.D.

Penyelia Bersama : Profesor Ibrahim bin Mamat, Ph.D.

Pusat Pengajian: Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi

Pada dekad ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) yang memanfaatkan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) di sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Pengajaran guru akan berasaskan perkongsian maya menerusi e-pembelajaran, khususnya dalam meneroka sumber maklumat melalui internet. Persekitaran e-pembelajaran memerlukan sekolah-sekolah yang serba lengkap bagi tujuan mengoptimalkan penggunaan pembelajaran maya dalam kalangan guru dan pelajar. Berdasarkan analisis kajian lepas, penggunaan TMK dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) didapati tidak memberangsangkan. Kadar penggunaan TMK yang berada pada tahap rendah dalam kalangan GPI tidak selaras dengan hasrat kerajaan yang ingin menjadikan e-pembelajaran sebagai alat pembelajaran abad ke-21. Justeru, jika pelaksanaan e-pembelajaran yang berada pada tahap awal diteruskan tanpa mengambil kira masalah yang mempengaruhi penerimaan GPI terhadap

e-pembelajaran, dikhuatiri pembaziran akan terus berlaku. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor-faktor penerimaan guru terhadap e-pembelajaran tidak dikenal pasti sepenuhnya. Objektif utama kajian ini ialah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan GPI terhadap e-pembelajaran di Malaysia. Kajian ini akan cuba menghuraikan permasalahan kajian dengan cara mengembangkan teori. Teori Penerimaan Teknologi dikembangkan dengan memasukkan pemboleh ubah-pemboleh ubah daripada Teori Bersepadu Penerimaan dan Penggunaan Teknologi, Teori Penyebaran Inovasi dan Teori Inovasi Individu dalam Teknologi. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan menggunakan kaedah *ex-post facto* bagi memeriksa penerimaan GPI terhadap e-pembelajaran. Data dianalisis dengan menggunakan Model Persamaan Berstruktur-Kuasa Dua Terkecil Separa (PLS-SEM) untuk mengenal pasti hubungan antara pemboleh ubah dalam model kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengembangan terhadap teori penerimaan teknologi dapat dijadikan model kajian untuk memahami dan mengenal pasti faktor-faktor yang membawa kepada kejayaan pelaksanaan e-pembelajaran dalam kalangan GPI. Dalam kajian ini didapati peranan pemboleh ubah kemudahan, pemboleh ubah kebergunaan, pemboleh ubah keserasian pendidikan dan pemboleh ubah inovasi individu dalam teknologi terbukti dapat mempengaruhi niat GPI untuk menggunakan e-pembelajaran. Secara tidak langsung, kajian ini telah meningkatkan kefahaman yang mendalam terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi GPI dalam menerima e-pembelajaran di Malaysia.